

PM: Akrabkan institusi keluarga

UM - 3 AUG 2003

PORT DICKSON 2 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan institusi keluarga di negara ini agar terus menjalinkan hubungan yang lebih akrab sesama mereka dan juga dengan ahli keluarga yang lain.

Dr. Mahathir berkata, ini kerana sudah menjadi amalan pada setiap ahli keluarga di negara ini sentiasa menjalinkan kerjasama di antara satu sama lain.

“Di Malaysia, sebagai orang Timur, kita masih menghormati institusi kekeluargaan,” katanya ketika berucap pada majlis makan malam Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri di Hotel Gouman di sini.

Turut hadir ialah isteri Per-

dana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali bersama kira-kira 500 orang termasuk kakitangan dan ahli keluarga masing-masing.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta setiap anggota masyarakat menganggap keluarga sebagai satu unit penting bagi membahagiakan masyarakat.

Mengenali

Ini kerana ada sesetengah negara di dunia menganggap perkahwinan tidak perlu, katanya.

“Mereka berkesedudukan sesuka hati dan tidak tahu dari mana datang mereka dan tidak mengenali siapa ibu dan bapanya,” jelasnya.

Sebaliknya, kata Dr. Maha-

thir, masyarakat negara ini masih memegang nilai-nilai yang mulia dengan menganggap perkahwinan mempunyai pengenalan dalam sesebuah institusi keluarga yang bahagia.

Perdana Menteri menarik perhatian dengan meminta setiap ahli keluarga menjalinkan hubungan dengan ahli keluarga yang lain.

“Kerjasama ini perlu dengan melibatkan bersama-sama seperti di kalangan para pekerja di sesebuah pejabat,” ujarnya.

Dengan adanya jalinan itu, Perdana Menteri yakin apabila seseorang kakitangan terbabit menghadapi malapetaka seperti sakit, akan ramai lah datang menghulurkan bantuan.